



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
(MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG)**

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/ 73 /2013

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **221001** dan **221002** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan bagi menyertai sebut harga berikut:-

**“PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN PUSAT LATIHAN SUKAN BATU
UBAN MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG
BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN MULAI 1 JANUARI 2014 – 31 DISEMBER 2014”**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan e-Perolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

3. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 19 November 2013 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
**Tempat : Bilik Cemerlang,
Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang
Batu Uban, 11700 Pulau Pinang**
Kehadiran : Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang **mulai 20 November 2013**.

5. Dokumen tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi, berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman beserta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 27 November 2013** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bil. PSUKPP/ 73 /2013** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.
7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang